

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Lindungi data anda

SELALU dipaparkan berkenaan keselamatan siber. Apa sebenarnya yang hendak dilindungi dalam teknologi maklumat ini?

- **LOGIN Iman, Kuantan.**

Terima kasih. Satu soalan yang menarik. Sekiranya kita hendak membuat sejenis kuih yang berinti seperti karipap, pau dan lain-lain, tepung doh yang meliputinya perlu disediakan dengan baik dan mantap. Sekiranya tidak, intinya akan terkeluar dan menjadi satu kuih yang tidak menjadi atau sempurna. Begitu juga dalam persekitaran teknologi maklumat, inti pati bagi apa sahaja dalam pengkomputeran atau teknologi maklumat adalah data.

Jadi, perkara utama yang perlu dilindungi keselamatannya dalam bidang teknologi maklumat adalah data agar data tersebut tidak hilang atau rosak. Kos untuk memulihkan semula data yang hilang atau rosak sangat tinggi berbanding menyediakan prasarana keselamatan untuk melindunginya. Begitu juga dengan proses untuk memulihkan semula data yang hilang atau rosak merupakan satu usaha yang sangat sukar sehinggakan pada satu tahap ia tidak dapat dipulihkan dengan sempurna oleh pakar.

Namun begitu, seperti diceritakan pasal kuih berinti tadi, data ini berada dalam prasarana atau perkhidmatan teknologi maklumat yang terdiri daripada perisian, perkakasan dan teknologi komunikasi.

Segala jenis perisian, perkakasan dan teknologi komunikasi yang menyimpan, memproses, memindah, mengeluarkan dan menggunakan data perlu juga dilindungi keselamatannya.

Prasarana atau perkhidmatan keselamatan teknologi maklumat yang disediakan perlu fokus untuk melindungi data termasuk apa sahaja prasarana atau perkhidmatan teknologi maklumat yang berkait dengan data tersebut seperti komputer pelayan, pangkalan data, teknologi capaian internet, teknologi capaian rangkaian, sistem pengoperasian, pelayar web dan lain-lain.